

Sinar 12/01/2010 M 13 N 14

Tiga penjenayah Indonesia mati

Dalam kejadian berbalas tembak dengan polis di Taman Farmasi, Seri Iskandar

RUBIAH NORDIN

IPOH - Tiga daripada empat lelaki rakyat Indonesia yang dipercayai terlibat beberapa kes jenayah, ditembak mati sepasukan anggota polis dalam kejadian berbalas tembak di Taman Farmasi, Seri Iskandar dekat sini, semalam.

Ketua Polis Perak, Datuk Zulkifli Abdullah berkata, dalam kejadian pada jam 7.15 malam itu, tiga lelaki terbabit yang aktif melakukan kegiatan pecah rumah dan samun di negeri ini, Kedah, Selangor dan Johor dikatakan cuba melarikan diri dengan sebuah kenderaan dari sekatan polis.

"Anggota polis yang menaiki dua kereta peronda mengesan kenderaan dinaiki suspek dan mengarahkannya berhenti untuk pemeriksaan, tetapi mereka tidak berbuat demikian, sebaliknya bertindak merempuh kenderaan polis sebelum terbasah.

"Seorang daripada penjenayah itu keluar dari kereta dan melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis, manakala dua lagi yang bersenjatakan parang cuba menyerang anggota kita," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Zulkifli berkata, kejadian itu bermula selepas anggota polis menerima maklumat mengenai empat



● Keadaan kenderaan pacuan empat roda yang dipandu anggota polis rosak teruk selepas dirempuh kereta Honda Civic penjenayah warga asing yang cuba melarikan diri, semalam.

lelaki yang mencurigakan menaiki sebuah kereta di taman berkenaan.

Menurutnya, anggota polis yang berada dalam kereta yang dirempuh itu tidak cedera dan segera bertindak balas.

"Tiga daripada suspek itu mati di tempat kejadian, manakala seorang lagi melarikan diri ke kawasan semak berhampiran dan usaha

mengesannya masih dijalankan, katanya.

Beliau berkata, polis menemui sepucuk pistol, sebilah keris, tiga bilah parang, enam telefon bimbit, sebuah komputer riba, tiga pasport antarabangsa, lima kelongsong peluru dan wang tunai RM1,400 dari kereta yang digunakan suspek.

Menurutnya, kumpulan itu di-

percaya terbabit dalam sekurang-kurangnya 13 kes samun bersenjata dengan kes terbaharu di Parit dekat sini, pada Khamis lalu memabitkan samun dan kecederaan terhadap seorang lelaki.

Zulkifli berkata, kumpulan itu sering menyasarkan kawasan taman perumahan yang sunyi sebelum memecah masuk atau merompak mangsa.